

29/09/1998

Najib mahu Anwar dibicarakan segera

SHAH ALAM, Isnin - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, meminta pendakwaan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dibuat secepat mungkin bagi membolehkan rakyat melihat kebenaran kes berkenaan.

"Kita hendak perkara ini diadili secepat mungkin di mahkamah supaya mudah untuk orang ramai membuat tanggapan masing-masing berdasarkan pengadilan.

"Pada masa ini, ramai yang tertanya-tanya apakah dakwaan sebenarnya ke atas Anwar, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persatuan Penggerak Bahasa dan Kebudayaan Nasional (Pembina), di sini hari ini.

Ditanya mengenai punca kelewatan itu, Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata: "Itu kena tanya polis. Namun, saya berpendapat perkara ini harus diadili secepat mungkin."

Beliau yang nyata kurang berpuas hati dengan kelewatan pendakwaan itu menegaskan, kerajaan mempunyai cukup bukti untuk mendakwa Anwar, ditambah dengan pengakuan dua lelaki mengenai salah laku seksual bekas Timbalan Presiden Umno itu.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Anwar tidak dapat dihadapkan ke mahkamah segera kerana khuatir pengikutnya akan melakukan demonstrasi dan kekacauan yang boleh mengganggu perjalanan mahkamah.

Beliau bimbang dalam kekecohan polis untuk meleraikan rusuhan itu nanti, akan ada orang awam yang cedera dan keadaan itu seterusnya digunakan media asing bagi menunjukkan tindakan buruk polis Malaysia pada mata dunia.

Najib turut menafikan kekecohan berhubung kes Anwar itu menjejaskan pengaruh Umno, sebaliknya kata beliau, pengakuan yang dibuat pihak terbabit dalam kegiatan salah laku Anwar serta penerangan kerajaan membolehkan rakyat membuat penilaian sewajarnya.

Malah, kata beliau, pendedahan bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar mengenai kes itu memberi kesan positif dan keadilan pasti timbul apabila kes itu dihadapkan ke mahkamah.

Mengenai kenyataan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, bahawa ahli Umno boleh meminta diadakan perhimpunan khas berhubung kes Anwar, beliau berkata: "Memang boleh tetapi saya tidak berpendapat ia wajar dijalankan. "Cukup dengan sesi penerangan yang dilakukan melalui jentera sedia ada, termasuk Badan Perhubungan Umno Negeri."

(END)